

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 9 NOVEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

---

#### WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1523-MQT2472

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah jaminan Kerajaan tidak menyalahgunakan Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam menyekat kebebasan media dan kebebasan bersuara khususnya kandungan media sosial yang menegur Kerajaan kerana ianya nyata bercanggah dengan prinsip demokrasi dan janji manifesos Pakatan Harapan pada PRU-15.

2. PR-1523-MQT2479

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan Program Penyeragaman Harga (PPH) dalam menangani kos sara hidup penduduk di kawasan pedalaman terutamanya di Sabah.

3. PR-1523-MQT2454

**Tuan Suhaizan bin Kaiat [ Pulai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh TEKUN untuk mencapai lebih ramai usahawan-usahawan baru yang ingin menceburi bidang perniagaan terutama IKS dan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan program *start up* usahawan TEKUN bagi menyediakan modal kepada usahawan baru ini memulakan perniagaan.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI KHAMIS, 9 NOVEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 69**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1523-L21192  
**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah jalan-jalan di daerah Kota Marudu yang disenarai oleh pihak Jabatan Kerja Raya untuk dinaik taraf dalam Rancangan Malaysia Ke-12 yang telah dilaksanakan dan belum dilaksanakan.
  
2. PR-1523-L22073  
**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah bajet dan langkah spesifik dan berfasa yang telah diambil oleh Kementerian terutama kepada negeri yang masih tidak mempunyai empangan khusus untuk air sebagaimana Kelantan bagi memastikan negara kita dapat berhadapan dengan krisis air pada dekad yang akan datang.
  
3. PR-1523-L21544  
**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengasingkan pengiraan inflasi barang dan perkhidmatan dan mengkelaskan mengikut negeri bagi menggambarkan situasi sebenar kenaikan harga barang yang dihadapi rakyat.

## 4. PR-1523-L21727

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kesediaan dan kesungguhan pihak Kementerian dalam merubah dasar pertanian dan penternakan negara bagi memastikan 100% SSL untuk barang-barang asas seperti beras, daging, ayam ,ikan dan telur ayam. Segala usaha, polisi, *research*, insentif dan geran mesti terarah kepada capaian 100% SSL.

## 5. PR-1523-L21848

**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan semua bentuk bantuan, insentif dan sokongan yang diberikan kepada penggiat industri kreatif terutama pembikinan dokumentari dan filem pendek mengenai *folklore*, legenda dan mitos rakyat, sejarah lisan turun-temurun komuniti-komuniti etnik di Malaysia yang boleh dioptimumkan untuk menerapkan nilai dan budaya Madani.

## 6. PR-1523-L21935

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan UPU TVET seperimana yang sedang dikaji oleh Kementerian Pendidikan.

## 7. PR-1523-L21400

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah ada peruntukan subsidi untuk penanaman kopi bagi membangunkan sosio ekonomi penduduk luar bandar.

## 8. PR-1523-L22492

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan memastikan beban tugas pensyarah yang seimbang antara mengejar KPI ditetapkan pihak universiti dengan melaksanakan tugas mengajar.

## 9. PR-1523-L22694

**Datuk Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan demi mencapai hasrat "Net Zero Carbon Emissions" pada tahun 2050. Adakah Kementerian mempunyai kemampuan kewangan, strategi dan kepakaran untuk mencapai hasrat ini.

10. PR-1523-L22182

**Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah strategi dan dasar Kerajaan untuk meningkatkan tahap pemilikan ekuiti dalam kalangan Bumiputera, individu dan korporat, sepanjang tempoh RMKe-12 yang berbaki.

11. PR-1523-L21268

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Projek Penambahbaikan Jalan Raya Tebedu-Serian bermula.

12. PR-1523-L21939

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan penjelasan mengenai penarikan semula arahan penggantungan import lembu hidup dan kerbau dari Australia dan apakah penampaikan protokol dan tatacara pengimportan yang dilaksanakan bagi memastikan sektor ternakan negara terjamin dan bebas dari sebarang risiko penyakit.

13. PR-1523-L22369

**Tuan Chong Zhemin [ Kampar ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan keputusan untuk menghalang eksport mineral NR-REE dan bagaimana membantu untuk membina industri *downstream* NR-REE di Malaysia.

14. PR-1523-L22028

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perkembangan terkini program TVET-Tahfiz dan sejauh manakah usaha menjayakan program ini telah dilaksanakan.

15. PR-1523-L21529

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan inisiatif Kementerian untuk memperkasakan kolej komuniti bagi menyediakan bakat yang berkemahiran untuk memperoleh pekerjaan dan kerjaya yang memberi pendapatan tinggi.

16. PR-1523-L22034

**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

(a) apakah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan untuk misi menktahkan miskin tegar pada 2023; dan

- (b) apakah penggunaan PGK sedia ada realistik kerana berlaku peningkatan ketara kos sara hidup dan apakah tindakan penyesuaian dilakukan demi memastikan program membasmikan kemiskinan berjaya.
17. PR-1523-L21810  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah atau pendekatan yang bakal diambil oleh Kementerian untuk mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), kerana banyak hasil penyelidikan yang dilihat berkualiti dan berpotensi tetapi tidak dikomersialkan untuk pembangunan produk makanan.
18. PR-1523-L21972  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan penyelesaian rungutan rakyat terhadap isu tarif elektrik (bil TNB) yang tinggi dan apakah langkah Kementerian bagi membantu rakyat.
19. PR-1523-L21784  
**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah respon Kementerian terhadap universiti awam yang melaksanakan polisi untuk mewajibkan pelajar menjelaskan yuran pengajian terlebih dahulu bagi membolehkan mereka mendapat status pelajar aktif dan dibenarkan membuat pendaftaran kursus pengajian masing-masing.
20. PR-1523-L22451  
**Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status pembinaan jalan raya Suka Menanti di Alor Setar yang amat perlahan proses pembinaannya dan membahayakan pengguna dan bilakah projek itu dapat disiapkan.
21. PR-1523-L21497  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jangka masa yang diperlukan untuk meningkat hasil beras tempatan serta langkah-langkah yang telah diambil untuk menstabilkan bekalan beras dalam negeri.

22. PR-1523-L22275

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :

- (a) perancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di Lipis; dan
- (b) bilakah projek mengatasi banjir ini bermula dan berapa anggaran kos bagi setiap projek.

23. PR-1523-L21543

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) apakah langkah Kerajaan untuk memulihkan prestasi ranking Daya Saing Dunia IMD negara menjadi seperti tahun 2010 (tempat ke-10 dunia) berbanding sekarang (tempat ke-27 dunia); dan
- (b) apakah faktor yang menyebabkan Malaysia merudum jatuh dalam indikator-indikator yang diambil kira dalam laporan IMD tersebut seperti pendidikan, kewangan awam dan pelaburan asing.

24. PR-1523-L22535

**Tuan Rushdan bin Rusmi [ Padang Besar ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status 114,000 keluarga miskin tegar dan sejak 1 Januari 2023 hingga sekarang, berapa ramai yang sudah keluar daripada kategori miskin tegar.

25. PR-1523-L21530

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi memastikan haiwan liar seperti monyet dan kera yang merosakkan hasil tanaman penduduk kampung mampu di atasi sehingga kini. Monyet dan kera mula mengancam penduduk dengan memasuki rumah penduduk kampung.

26. PR-1523-L22064

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi Kerajaan di dalam mempertingkatkan hasil dan kualiti padi negara berbanding dengan Thailand, Kemboja dan Vietnam yang jauh lebih maju dan berkualiti berbanding beras tempatan.

27. PR-1523-L21332

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang telah dirancang di Parlimen Tanjung Manis. Berapa ramai penduduk yang akan mendapat manfaat dari IPR ini.

28. PR-1523-L22528

**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi Kementerian untuk memperkasa sektor agromakanan untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) rakyat dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan penerimugunaan teknologi moden dalam kalangan petani dan penternak.

29. PR-1523-L(5)00186

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai garis masa bagi perincian prosedur operasi standard (SOP) pemberian lesen borong kepada pengusaha restoran untuk membeli beras putih import pada harga borong daripada Padiberas Nasional Bhd. (BERNAS).

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

30. PR-1523-L21701

**Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [ Pagoh ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) hala tuju dan dasar Kerajaan Madani secara terperinci dalam memperkasa agenda Bumiputera untuk jangka masa pendek dan panjang; dan
- (b) perincian mengenai kedudukan terkini ekuiti Bumiputera bagi tahun 2023 serta apakah strategi khusus Kerajaan bagi meningkatkan tahap pemilikan ekuiti korporat kepada 30 peratus dalam kalangan Bumiputera.

31. PR-1523-L21825

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status terkini projek Jambatan Selampit dan projek Jalan Kendaie-Selampit yang telah diluluskan sejak RMK ke-11 dan apakah cabaran serta intervensi daripada pihak Kementerian untuk mempercepatkan pelaksanaan projek berkenaan.

32. PR-1523-L22586

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah pemain industri khususnya sektor swasta dalam melaksanakan cadangan gaji permulaan lulusan TVET ditingkatkan antara RM2,500 hingga ke RM3,000.

33. PR-1523-L22177

**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menarik pelaburan langsung domistik (DDI) dan pelaburan langsung asing (FDI) untuk melabur di Sarawak dan menjadikan Sarawak sebagai pilihan pertama di kalangan pelabur-pelabur di Malaysia.

34. PR-1523-L21760

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan peruntukan yang akan disediakan serta garis masa yang ditetapkan bagi memastikan isu mengenai infrastruktur asas seperti bekalan air bersih, bekalan elektrik yang stabil, jalan raya yang berkualiti dan capaian internet di Sabah dapat diselesaikan sepenuhnya.

35. PR-1523-L21820

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan rancangan Kementerian memastikan jalan-jalan pertanian bagi membela kebijakan petani di luar bandar bagi menjamin keselamatan makanan negara. Berapa jumlah panjang atau peruntukan jalan pertanian yang telah disalurkan khusus untuk Parlimen Kudat.

36. PR-1523-L21172

**Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan Kementerian untuk:

- (a) merancakkan ekosistem kenderaan elektrik (EV) seperti pusat servis, harga alat gantian, dan stesen pengecasan; dan
- (b) apakah insentif yang diperlukan untuk menarik minat rakyat dan sektor industri untuk berhijrah ke penggunaan kenderaan elektrik.

37. PR-1523-L22085

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bilakah Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan dapat menstabilkan harga beras tempatan dan menjamin bekalan beras tempatan sentiasa mencukupi di pasaran.

38. PR-1523-L22174

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap loji rawatan kumbahan yang tidak diselenggara dengan baik dan terbiar khususnya di bawah seliaan pihak swasta atau pemaju.

39. PR-1523-L22323

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan inisiatif atau galakkan yang diberikan kepada lepasan sekolah-sekolah agama atau maahad tahfiz untuk terlibat dalam program TVET bagi memenuhi pasaran pekerjaan tenaga mahir.

40. PR-1523-L21664

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan memandangkan negara kita telah menjadi *aging society* dan akan menjadi *aged society* menjelang 2044. Bagaimana Malaysia boleh mengatasi penurunan dividen demografi supaya ekonomi berkembang pada kadar yang baik.

41. PR-1523-L22165

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status pelaksanaan Banci Pekebun Kecil Getah (BPKG) 2023, termasuk data berkaitan profil pekebun kecil, kedudukan sosioekonomi dan penglibatan mereka dalam program dan aktiviti pembangunan serta kemasyarakatan ajuran RISDA dan agensi berkaitan.

42. PR-1523-L21654

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah berlaku trend penurunan yang ketara melibatkan kemasukan pelajar lepasan SPM ke institusi pengajian tinggi pada ketika ini.

43. PR-1523-L21951

**Dato' Sri Saifuddin Abdullah [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh mana ekonomi digital dijadikan enjin utama dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

44. PR-1523-L21354

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Kementerian dalam menangani isu kekurangan bekalan beras tempatan.

45. PR-1523-L21379

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah yang akan dilaksanakan bagi mengurangkan kesan kenaikan harga bawang di pasaran tempatan susulan India mengenakan 40 peratus duti eksport ke atas eksport bawangnya. Apakah pula kesan larangan negara India mengeksport beras ke luar negara terhadap Malaysia.

46. PR-1523-L21480

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengharamkan semua import ikan dan makanan laut kering dari Jepun berikutan tindakan Jepun melepaskan sisa air radioaktif terawat dari loji nuklear Fukushima Daiichi ke Lautan Pasifik pada 24 Ogos 2023.

47. PR-1523-L22480

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jalan-jalan ladang di kawasan MADA yang masih belum diselenggarakan dengan baik dan bilakah projek untuk memperbaikinya akan dilaksanakan.

48. PR-1523-L21465

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) sama ada kerajaan berhasrat untuk menggantikan gaji minimum kepada gaji wajar (*living wage*) atau tidak kerana gaji minimum semasa amatlah rendah berbanding dengan kos sara hidup sebenar; dan
- (b) bagaimana model gaji progresif akan dilaksanakan dan apakah profesi yang akan terlibat dalam model gaji progresif.

49. PR-1523-L22600

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada terdapat rancangan bantuan atau inisiatif untuk mengembangkan industri penanaman padi melalui penyediaan geran, latihan, infrastruktur dan lain-lain perkara berkaitan di daerah Machang.

50. PR-1523-L21143

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini PLUS dalam peningkatan laluan penggunaan teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) bagi pembayaran tol RFID di seluruh Malaysia.

51. PR-1523-L21990

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana kerjasama yang dilakukan oleh pihak Kementerian dengan Kerajaan Negeri dalam merancang dan melaksanakan langkah mitigasi efektif bagi membendung kerugian yang banyak daripada sektor pertanian akibat bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya.

52. PR-1523-L21114

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah sebab-sebab penurunan pengeluaran beras tempatan jatuh daripada 1.7 juta tan metrik pada tahun 2018 kepada 1.575 juta tan metrik pada tahun 2022 dan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi kejatuhan pengeluaran beras tempatan ini.

53. PR-1523-L21675

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah keupayaan inisiatif Zon Ekonomi Khas memberikan kesan positif terhadap ekonomi dan sosial yang bakal dinikmati penduduk di negeri Johor.

54. PR-1523-L21405

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan FELCRA bagi memastikan keberkesanan pengurusan dalam menguruskan ladang-ladang rakyat di Parlimen Selangau khususnya.

55. PR-1523-L22517

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan inisiatif Kementerian dalam usaha mengembangkan pemprosesan REE terutama di 10 negeri yang mempunyai hasil galian tersebut bagi mendepani dasar China yang mengehadkan jumlah eksport logam REE sekaligus mampu menjana sumber pendapatan negara.

56. PR-1523-L21108

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah dasar ekonomi Kerajaan Madani berbeza dengan Dasar Ekonomi Baru, Wawasan 2020 dan Wawasan Kemakmuran Bersama yang menekankan pencapaian sasaran 30% pemilikan ekuiti Bumiputera dalam ekonomi negara.

57. PR-1523-L22398

**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan menyatakan usaha proaktif Kementerian bagi mengelakkan kejadian pembakaran terbuka dan insiden jerebu rentas sempadan termasuk dari aspek penguatkuasaan dengan kerjasama negara Indonesia.

58. PR-1523-L22058

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan komitmen Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan bukan sahaja syarikat-syarikat awam (PLCs) memenuhi tuntutan mandatori Bursa Malaysia terkait ESG, bahkan apakah langkah-langkah konkret Kerajaan supaya pihak PKS juga turut melaksanakan tuntutan ESG, bagi membolehkan produk-produk mereka diterima di pasaran antarabangsa, sekaligus mendapat tempat dalam 'rantaian nilai global' atau *the global value chain*.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2024 (D.R.31/2023) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 seperti berikut :**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh dua bilion ringgit (RM92,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2024, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 34 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ( 8 November 2023 )**

2. ( D.R. 36/2023 ) Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**  
**[ Menteri Kewangan ]**
3. ( D.R. 33/2023 ) Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 12 Oktober 2023 )**  
**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]**
4. ( D.R. 25/2023 ) Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 – **Bacaan Kali Yang Kedua**

Dan;

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor akan mencadangkan :

**“BAHAWA** Penyata yang disiapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan untuk mengkaji Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas DR. 8 Tahun 2023 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60”.

5. ( D.R. 26/2023 ) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**  
[ Menteri Kesihatan ]

6. PR-1523-U(27)278  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menangani isu gangguan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang kian meruncing susulan tindakan India menghentikan eksport beras putihnya ke pasaran.

Langkah penetapan had pembelian maksimum 100kg BPT untuk setiap individu dan syarikat bermula 7 September 2023 hanyalah penyelesaian yang bersifat sementara dan Kerajaan seharusnya mula merangka satu pelan yang lebih tuntas dalam usaha menjamin keterjaminan bekalan beras di Malaysia bagi jangka masa yang panjang.

Kerajaan perlu segera mewujudkan rangka tindakan yang lebih komprehensif bagi mengurangkan impak inflasi makanan global dari terus menghimpit rakyat negara ini khususnya berkaitan beras yang menjadi makanan ruji kita semua."

[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]

7. PR-1523-U(27)279  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan."

[ Menteri Dalam Negeri ]

## 8. PR-1523-U(27)280

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah-buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan.

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

## 9. PR-1523-U(27)281

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan Jumlah Kadar Kesuburan (Total Fertility Rate) bagi rakyat Malaysia terus meningkat.

Negara kita telah beralih ke status negara menua pada tahun 2021. Hal Ini kerana peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas telah mencapai 7% daripada jumlah populasi. Trend ini menunjukkan peningkatan dalam dua tahun lalu pada kadar 0.2 peratus setahun di mana pada tahun 2022 sebanyak 7.2% dan dijangka pada tahun 2023 mencapai 7.4%.

Dalam tempoh dua dekad lagi, negara dijangka beralih kepada negara tua apabila kohort umur yang sama mencapai 14% daripada jumlah populasi. Peralihan ini tentunya memberikan kesan yang paling ketara iaitu kepada penurunan trend populasi pekerja dan produktiviti. Bagi menghadapi cabaran dan dampak negara menua, kita perlu mencari jalan memperlahangkan proses penuaan ini. Proses penuaan ini tidak boleh dihalang atau diberhentikan tetapi kita perlu mempunyai pelan persediaan bagi menghadapi situasi tersebut.

Jika kita teliti jumlah peratusan struktur umur penduduk yang berumur 0-14 tahun berlaku penurunan pada kadar 0.4% bagi 3 tahun iaitu ; tahun 2020 sebanyak 24%, 2021 sebanyak 23.6%, 2022 sebanyak 23.2%, dan 2023 sebanyak 22.6%.

Umum mengetahui negara-negara jiran dan serantau juga menghadapi perkara penurunan bagi jumlah kadar kesuburan, tetapi kadar tersebut agak perlahan penurunannya. Sehubungan itu, objektif kita agar dapat melandaikan graf penurunan ini bagi negara kita.

Persoalan saya, apakah kemampuan hospital Kerajaan dalam meningkatkan kemampuan kesihatan reproduktif. Berapa jumlah Hospital yang menyediakan perkhidmatan IUI dan IVF. Berapa ramai doktor pakar reproduktif masih berkhidmat di hospital Kerajaan. Adakah harga perkhidmatan yang dikenakan mampu diakses oleh rakyat. Berapa jumlah makmal reproduktif.

Dewan Rakyat juga perlu mencadangkan agar Kerajaan menetapkan polisi yang mampan seperti fleksibel waktu bekerja, yuran pusat penjagaan kanak yang mampu bayar, perbanyakkan pusat asuhan ditempat kerja, dan *paternity leave* kepada ibu bapa yang bekerja untuk meringankan bebanan mereka dalam meningkatkan kadar reproduktif rakyat Malaysia. *Population Complexity* ini yang harus kita uruskan dengan penuh keberanian dan semua pihak kena bersama-sama."

### **[ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]**

10. PR-1523-U(27)283

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah Kertas Putih Imigresen yang membincangkan tentang kadar atau jumlah sebenar kemasukan pelawat asing ke negara Malaysia.

Perkara ini bertujuan untuk mengetahui pergerakan pelawat asing berkenaan sama ada mereka terus tinggal di Malaysia atau dalam satu tempoh tertentu. Menerusi ini kita akan mengetahui jumlah sebenar populasi rakyat di negara ini melalui pengenalpastian perbezaan antara jumlah Warganegara Malaysia, Jumlah Pelawat Asing yang masuk ke negara kita sebagai pekerja ataupun dengan tujuan melancong.

Hal ini, akan memudahkan Kerajaan untuk merangka dan melaksanakan pelbagai pelan inisiatif mahupun bantuan seperti subsidi bersasar dan lain-lain agar setiap pelaksanaan tersebut dinikmati oleh rakyat di negara kita."

### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

## 11. PR-1523-U(27)286

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menerima hakikat bahawa lebih 100,000 calon peperiksaan SPM pada tahun 2022 telah gagal dalam mata pelajaran dan sekaligus gagal mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menerima hakikat juga bahawa kegagalan dalam peperiksaan SPM ini mengakibatkan masa depan yang gelap kepada calon pada purata 70 ribu hingga 100 ribu setahun.

Menerima hakikat bahawa pelajar tercicir ini tidak ada lagi ruang untuk melanjutkan pelajaran maka segolongan pelajar tercicir ini akan menjadi kerugian dalam sumber tenaga kerja negara.

Dan menerima hakikat bahawa matlamat mendidik sebuah generasi pelajar untuk membina dan membangun negara kita telah gagal maka Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang serius terhadap masalah ini.

Maka dengan itu Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar silibus dan buku-buku teks Subjek Sejarah Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat dan Tingkatan Lima hendaklah dikaji semula dan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen hendaklah ditubuhkan untuk mendapat pandangan daripada setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelusuk negara, dan pada masa yang sama Jemaah Kabinet hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Kajian Semula Silibus dan Buku Teks Sejarah yang dianggotai oleh Menteri-Menteri yang mewakili Sabah, Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan parti-parti politik yang menubuhkan Kerajaan Perpaduan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

## 12. PR-1523-U(27)287

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini Menerima hakikat bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang ditubuhkan oleh Kerajaan suatu ketika dahulu telah berjaya membuat siasatan dan seterusnya telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini.

Dan menerima hakikat bahawa setelah sekian lama laporan tersebut telah gagal dilaksanakan dan mengakibatkan ketidakpuasan hati sebahagian besar daripada rakyat Malaysia.

Menerima hakikat juga bahawa rakyat tertanya-tanya apakah yang telah terjadi dengan laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja tersebut.

Dan menerima hakikat bahawa kecelaruan urus tadbir Pendatang Tanpa Izin; Penduduk Asing di Sabah yang mempunyai Kad Pengenalan yang meragukan; Peningkatan Bilangan penduduk di Sabah Tanpa Kewarganegaraan ataupun *stateless children* dan kehadiran orang asing yang memegang dokumen IMM13 yang tidak ada halatuju.

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk meneliti dan mengkaji semula rekomendasi dan perakuan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin untuk merumuskan suatu Road Map penyelesaian tuntas terhadap masalah oleh empat kategori penduduk golongan pendatang asing di Sabah."

#### [ Menteri Dalam Negeri ]

13. PR-1523-U(27)290

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi. Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini. Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 dan M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan. Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

#### [ Menteri Pendidikan ]

14. PR-1523-U(27)291

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani serta menghentikan kes jenayah dera kanak-kanak di negara ini. Menteri Dalam Negeri pada 14 Mac 2023 melaporkan bahawa terdapat 220 kes kanak-kanak mati akibat penderaan antara tahun 2018 hingga 2022. Data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara Januari hingga Jun 2022 juga mendedahkan terdapat 1,055 kes penderaan kanak-kanak di negara ini. Kanak-kanak adalah masa depan negara. Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah pro-aktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala, meneliti semula undang-undang serta garis panduan berkenaan penjagaan kanak-kanak, meningkatkan kesedaran masyarakat, dan lain-lain."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

15. PR-1523-U(27)292

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang lebih pro-aktif dan efisyen bagi meningkatkan kesedaran, tindak balas, dan kerjasama masyarakat dalam menghadapi bencana alam. Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara pada akhir tahun ini serta pembangunan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (SAATR). Inisiatif ini akan dapat meningkatkan kecekapan tindak balas bencana agensi-agensi berkaitan. Bagaimana pula dengan tindak balas masyarakat.

Apa yang telah dan sedang Kerajaan usahakan bagi memastikan rakyat bukan sahaja peka tetapi takut dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kerajaan perlu menguatkuasakan Akta Pertahanan Awam 1951, Akta 221 bawah seksyen 4 (C) di mana tindakan boleh diambil ke atas mereka yang tidak patuh kepada arahan pihak berkuasa contohnya arahan untuk berpindah dalam situasi banjir yang boleh membahayakan penduduk dan pada masa yang sama memberi risiko kepada penyelamat."

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1523-U(27)293

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara teperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

17. PR-1523-U(27)294

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

18. PR-1523-U(27)295

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendarangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

19. PR-1523-U(27)296

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

20. PR-1523-U(27)297

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMK-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu. Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

**[ Menteri Ekonomi ]**

21. PR-1523-U(27)298

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar '*rebranding*' daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan

Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

**[ Perdana Menteri ]**

22. PR-1523-U(27)299

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

23. PR-1523-U(27)300

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiag siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

**[ Perdana Menteri ]**

24. PR-1523-U(27)301

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidaklangsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

25. PR-1523-U(27)302

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

26. PR-1523-U(27)303

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

**[ Menteri Komunikasi dan Digital ]**

27. PR-1523-U(27)304

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

28. PR-1523-U(27)305

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan keluar dan masuk sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu. Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya. Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu. Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya 'Free Flow' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 09.11.2023 (Khamis)	1. YB Tuan Wong Chen (Subang)	1. Masalah Kesesakan Trafik di Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP)	1. YB Menteri Kerja Raya
2. 09.11.2023 (Khamis)	2. YB Tuan Wong Chen (Subang)	2. Penghalang Bunyi di Lebuhraya Shah Alam (KESAS)	2. YB Menteri Kerja Raya
3. 09.11.2023 (Khamis)	3. YB Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir (Setiu)	3. Cadangan Memotong Bukit Balai Polis Lama untuk Pembinaan Jalan ke Pusat Bandar	3. YB Menteri Kerja Raya
4. 09.11.2023 (Khamis)	4. YB Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir (Setiu)	4. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Setiu untuk Mengatasi Banjir di Bandar Permaisuri	4. YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**